JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

GARIS PANDUAN DAN HIMPUNAN DOA

BAGI MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN





JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

GARIS PANDUAN

DAN HIMPUNAN DOA BAGI MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN

HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my
Terbitan 2026

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kompleks Islam Putrajaya, 62100 Putrajaya, Malaysia.

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan
GARIS PANDUAN DAN HIMPUNAN DOA BAGI MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN

Reka Bentuk dan Atur Huruf
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya.

Terbitan
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

KANDUNGAN

Prakata 2

BAHAGIAN 1: GARIS PANDUAN TATACARA MEMBACA DOA 3

- Tujuan 4
- Pendahuluan 4
- Rasional 4
- Takrif 5
- Kriteria Majlis Bacaan Doa 5
- Teks Doa 7
- Pembaca Doa 10
- Tatacara Bacaan Doa 12
- Tempoh Pembacaan Doa 13
- Penutup 13

BAHAGIAN 2: CONTOH DOA MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN 15

- Doa Sempena Lawatan Kerja Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 17
- Doa Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Parlimen 22
- Doa Perjumpaan Bulanan YAB Perdana Menteri Bersama Warga JPM 28
- Doa Selamat 32

PRAKATA

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta seluruh sahabat baginda SAW yang mulia.

Alhamdulillah dengan limpahan rahmat dan izin-Nya jua, maka terbitlah Garis Panduan dan Himpunan Doa Bagi Majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Kerajaan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak, khususnya kementerian, agensi dan jabatan kerajaan.

Doa ialah senjata mukmin. Berdoa merupakan amalan mulia dan sangat dituntut dalam Islam. Ia merupakan simbol dan bukti keredaan dan kelemahan diri manusia di hadapan Allah SWT, Tuhan Penguasa seluruh alam. Tujuan berdoa adalah untuk memohon limpahan rahmat dan kasih sayang Allah SWT agar kita dikurniakan segala kebaikan dan keselamatan, dijauhi keburukan dan kerosakan serta dikurniakan keberkatan daripada sisi-Nya dalam setiap perkara yang dilaksanakan.

Alhamdulillah, pihak kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah menetapkan pendirian dan memberikan perhatian terhadap pelaksanaan bacaan doa dan tatacara pelaksanaannya terutamanya dalam majlis rasmi dan separuh rasmi kerajaan agar dilaksanakan secara teratur dengan mengambil kira keperluan semasa dan majlis yang dilaksanakan. Justeru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil langkah mengemas kini dan menambah baik Garis Panduan dan Himpunan Doa Bagi Majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Kerajaan selaras dengan perkara tersebut agar ia dilaksanakan dengan baik, sempurna dan teratur.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Panel Pakar Syariah JAKIM yang telah menyemak dan meluluskan garis panduan ini. Terima kasih dan tahniah juga kepada para pegawai penyelidik JAKIM dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan garis panduan ini. Semoga penerbitan ini menjadi amal jariah dan mendapat ganjaran pahala yang berterusan daripada Allah SWT kepada kita semua.

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

BAHAGIAN 1

GARIS PANDUAN
TATACARA MEMBACA DOA





1 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada penganjur dan pembaca doa yang terlibat dalam Majlis Rasmi dan Separuh Rasmi.

2 PENDAHULUAN

2.1 Doa ialah satu ibadat. Ia merupakan satu tanda kerendahan hamba terhadap Allah SWT. Ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan.

2.2 Sesuatu doa hendaklah dilakukan dengan ikhlas, khusyuk, tertib dan penuh tawaduk serta dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kehendak syarak. Hal ini bermakna doa tidak boleh dilakukan semata-mata sebagai satu budaya atau adat kerana ia merupakan satu cara hidup yang diajar oleh Rasulullah SAW.

2.3 Doa hendaklah dilakukan di tempat yang betul, masa yang sesuai, suasana yang baik dan selari dengan hukum syarak atau syariat Islam.

3 RASIONAL

Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Oleh itu, amalan membaca doa dalam majlis-majlis rasmi dan separuh rasmi kerajaan adalah selari dengan peruntukan tersebut.

4. TAKRIF

4.1 Majlis Rasmi

Majlis Rasmi ialah suatu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

4.2 Majlis Separuh Rasmi

Majlis Separuh Rasmi ialah majlis yang dianjurkan selain daripada kerajaan tetapi dihadiri oleh para pembesar atau pemimpin sama ada di peringkat negeri atau persekutuan.

4.3 Doa

Doa ialah satu ucapan permohonan daripada seorang hamba (manusia) kepada Allah SWT dengan hati yang ikhlas bagi mendapat rahmat, *inayah* (pemeliharaan) dan juga agar dijauhkan daripada bala bencana dengan cara dan adab yang tertentu. Ia juga boleh dituturkan dalam pelbagai bahasa.

5. KRITERIA MAJLIS BACAAN DOA

5.1 Tempat Majlis Berdoa

i. Majlis hendaklah diadakan di tempat perhimpunan yang bertujuan untuk kebaikan dan bersesuaian dengan ajaran Islam.

ii. Tempat tersebut tidak boleh mencemarkan kesucian agama Islam.

5.2 Tempat Pembaca Doa

i. Penganjur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk pembaca doa.

ii. Tempat bacaan doa hendaklah di atas pentas atau rostrum utama (jika ada pentas).

5.3 Majlis yang Dilarang untuk Bacaan

i. Majlis yang berunsur maksiat dan mungkar seperti mengadakan hidangan arak atau perjudian dan seumpama dengannya.

ii. Majlis yang bercampur aduk dengan upacara yang tidak sesuai dengan konsep doa sebagai ibadah seperti acara nyanyian, karaoke, tari-menari, berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan sebagainya.

iii. Majlis yang dikaitkan dengan upacara-upacara keagamaan atau perayaan agama lain.

iv. Upacara yang melibatkan penyembahan atau memberikan penghormatan kepada tugu atau patung-patung orang tertentu.

5.4 Bacaan Doa dalam Majlis yang Disertai Pelbagai Penganut Agama

i. Bacaan doa bagi majlis rasmi atau majlis separuh rasmi kerajaan hendaklah dibacakan oleh orang Islam sahaja. Penganjur atau pengacara majlis atau pembaca doa tidak boleh mengajak atau menjemput penganut agama lain yang hadir untuk sama-sama berdoa mengikut kepercayaan masing-masing.

ii. Dalam keadaan bencana atau musibah yang melibatkan orang Islam dan orang bukan Islam, majlis rasmi atau separuh rasmi yang melibatkan kedua-dua pihak boleh diadakan; namun begitu, hanya doa agama Islam dibacakan. Upacara doa agama lain selain Islam boleh dilaksanakan di rumah ibadah masing-masing.

6. TEKS DOA

6.1 Mukadimah

i. Permulaan doa hendaklah mengandungi lafaz puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab dan boleh diikuti dengan doa dalam bahasa lain.

6.2 Isi Kandungan Doa

i. Teks doa hendaklah mengandungi permohonan keselamatan dan kesejahteraan umum dan diikuti dengan permohonan doa secara khusus sesuai dengan majlis berkenaan.

ii. Dalam setiap perenggan teks doa, sebaik-baiknya disebut nama-nama Allah SWT (أَسْمَاءُ الْحُسْنَى) dan sifat-sifat-Nya yang sesuai dengan perkara yang dipohon seperti يَا رَزَّاقُ (Yang Maha Pemberi Rezeki) bagi doa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

iii. Sekiranya majlis yang dianjurkan dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sama ada sebagai perasmi majlis atau jemputan khas, pembaca doa hendaklah menyebut secara khusus doa kesejahteraan yang ditujukan kepada Seri Paduka Baginda sendiri sebagai satu penghormatan kepada pemimpin agama Islam tertinggi di negara ini.

iv. Teks doa juga sewajarnya menyebut doa kesejahteraan secara umum kepada para pemimpin negara serta umat Islam secara keseluruhan. Tidak perlu menyebut nama orang kenamaan yang hadir.

v. Teks doa tidak perlu menyebut perkataan yang boleh menimbulkan suasana tidak harmoni dalam kalangan masyarakat dan negara.

vi. Isi kandungan doa hendaklah dibaca dalam bahasa Arab / bahasa Melayu / bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain boleh disediakan dan dipaparkan pada skrin, mengikut kesesuaian hadirin dan majlis tersebut.

6.3 Penutup Doa

Lazimnya doa ditutup dengan doa permohonan keselamatan dunia dan akhirat. Bahagian akhir doa hendaklah mengandungi bacaan selawat dan tahmid (الحَمْدُ للهِ) dalam Bahasa Arab.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي الدُّنيَا حَسَنَةً وفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ أَجمَعِينَ

6.4 Paparan Teks Doa di Skrin

Penganjur atau urus setia majlis disyorkan untuk memaparkan teks doa dan terjemahan teks di skrin yang disediakan.

7 PEMBACA DOA

7.1 Taraf Pembaca Doa

i. Disyorkan pembaca doa bagi majlis di peringkat persekutuan yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Sahibus Samahah Mufti, Pegawai Agama Istana Negara, Timbalan Mufti atau Imam Besar Masjid Negara.

ii. Pembaca doa bagi majlis di peringkat negeri yang dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja, Raja Muda atau bagi majlis yang dihadiri oleh wakil Sultan atau wakil Raja, bacaan doa hendaklah disampaikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri atau Timbalan Mufti atau mengikut amalan yang lazim diguna pakai di negeri berkenaan.

iii. Bagi majlis-majlis lain, pembaca doa boleh dilantik daripada kalangan mereka yang layak, sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7.2.

7.2 Kriteria Pembaca Doa

i. Pembaca doa hendaklah seorang lelaki dan beragama Islam, dapat menyebut perkataan dalam bahasa yang digunakan dengan tepat, fasih dan betul.

ii. Pembaca doa hendaklah individu yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik serta tidak dipertikaikan oleh pendengar dan masyarakat.

iii. Pembaca doa mestilah mengetahui kesesuaian doa yang dibaca bagi setiap majlis yang diadakan.

iv. Bagi majlis yang hanya dihadiri oleh golongan wanita, pembaca doa bolehlah dilantik daripada kalangan wanita.

7.3 Pakaian

Pembaca doa hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dengan suasana majlis yang diadakan.

8 TATACARA BACAAN DOA

8.1 Sebelum majlis bermula, pembaca doa hendaklah berhubung dengan urus setia atau penganjur majlis bagi mendapatkan maklumat berikut:

i. Tarikh, masa dan tempat majlis.
ii. Objektif dan tujuan penganjuran majlis.
iii. Nama majlis, nama perasmi atau nama orang yang diraikan dalam teks doa.
iv. Tentatif program.

8.2 Pembaca doa hendaklah datang lebih awal dan memastikan lokasi bacaan doa.

8.3 Sebelum doa dibaca, pembaca doa hendaklah memberikan tanda hormat kepada tetamu khas dan lain-lain tetamu yang hadir, mengucapkan salam, kemudian memulakan bacaan doa. Surah al-Fatihah boleh dibaca sebelum bacaan doa mengikut kesesuaian majlis.

8.4 Pembaca doa digalakkan untuk mengangkat tangan ketika berdoa.

8.5 Pembaca doa hendaklah membaca dengan nada suara yang sesuai dengan maksud ayat di samping suara yang jelas, tidak terlalu laju dan hendaklah dibaca dengan khusyuk serta tawaduk.


9. TEMPOH PEMBACAAN DOA

9.1 Bacaan doa bagi majlis rasmi atau separuh rasmi sebaik- baiknya dilaksanakan pada permulaan majlis.

9.2 Tempoh bacaan doa ialah antara dua hingga tiga minit.

10. PENUTUP

Garis panduan ini diharapkan menjadi rujukan dan panduan kepada pembaca doa khususnya dan penganjur program rasmi dan separuh rasmi amnya. Garis panduan ini juga dapat membantu dan membimbing semua lapisan masyarakat dalam berdoa agar bacaan doa lebih berkualiti dan seragam di seluruh negara.



BAHAGIAN 2

CONTOH DOA MAJLIS RASMI DAN
SEPARUH RASMI KERAJAAN

TEKS DOA MAJLIS RASMI DAN

SEPARUH RASMI

(Koleksi teks doa ini adalah sebagai panduan dan contoh kepada penganjur atau urus setia sahaja. Penganjur atau urus setia boleh mengolah dan menentukan panjang pendek teks doa ini tertakluk kepada kesesuaian majlis.)

DOA SEMPENA LAWATAN KERJA RASMI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،

اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِين،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمٰنُ يَا رَحِيمُ،

نَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِالْخُشُوعِ وَالتَّضَرُّعِ، نَدْعُوكَ وَنَسْأَلُكَ أَنْ تَتَفَضَّلَ فَتُبَارِكَ وَتَحُفَّ بِالرَّحْمَةِ عَلَى بَرْنَامَجِ زِيَارَةِ حَضْرَةِ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ الْمَلِكِ الْمُعَظَّمِ سري ڤدوك بكيندا يڠ دڤرتوان اكوڠ (... اسْمُ جَلَالَتِهِ ...)، فِي هٰذَا الصَّبَاحِ الْمُبَارَكِ.

اللَّهُمَّ بَارِكْ هٰذَا الْمَجْلِسَ مِنْ أَوَّلِهِ إِلَى آخِرِهِ، وَنَعُوذُ بِكَ يَا اللَّهُ مِنْ كُلِّ مَا يُشَوِّهُ هٰذَا الْمَجْلِسَ، وَمِنْ كُلِّ مَا يُلْهِينَا عَنْ طَاعَتِكَ وَعَنْ أَدَاءِ حَقِّكَ.

يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ، وَيَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ،

أَفِضْ حِفْظَكَ وَحِمَايَتَكَ، وَهُدَاكَ الدَّائِمَ، وَالصِّحَّةَ وَالْعَافِيَةَ الْمُسْتَمِرَّةَ، فِي ظِلِّ الْإِيمَانِ وَالطَّاعَةِ، عَلَى عَبْدِكَ وَمَلِكِنَا الْمُبَجَّلِ، حَضْرَةِ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ ا الْمَلِكِ الْمُعَظَّمِ سري

قدوك بكيندا يغ دڤرتوان اكوڠ

(... اسْمُ جَلَالَتِهِ ...)

اللَّهُمَّ يَا حَنَّانُ يَا مَنَّانُ،

يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَامَةِ، امْنَحْنَا الْمَغْفِرَةَ وَالرَّحْمَةَ، وَإِنْ أَرَدْتَ بِعِبَادِكَ فِتْنَةً أَوْ بَلَاءً أَوِ ابْتِلَاءً، فَاجْعَلْ لَنَا مِنْهَا وِقَايَةً وَسَلَامَةً ,وَاغْرِسْ فِي قُلُوبِنَا مَحَبَّتَكَ، وَمَحَبَّةَ مَنْ يُحِبُّكَ وَيُطِيعُكَ، وَحُبَّ الْأَعْمَالِ الَّتِي تُقَرِّبُنَا إِلَى رِضْوَانِكَ. وَارْزُقْنَا حُبَّ الْخَيْرِ وَفِعْلَهُ، وَزَيِّنْ قُلُوبَنَا بِمَحَبَّةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، اقْتِدَاءً بِأَخْلَاقِ نَبِيِّكَ، خَيْرِ الْأُسْوَةِ وَأَحْسَنِ الْقُدْوَةِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وصَلَّى اللَّه عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA
DI PAPARAN SKRIN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda serta para sahabat.

Ya Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, dengan penuh khusyuk dan rendah diri kami menadah tangan memohon kepada-Mu agar Engkau memberkati dan merahmati Program Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke (…) pada pagi yang penuh keberkatan ini. Ya Allah, berkatilah majlis ini dari awal hingga akhir, dan kami berlindung kepada-Mu daripada segala perkara yang mencacatkan majlis ini serta segala yang melalaikan kami daripada mentaati-Mu dan menunaikan kewajipan kepada-Mu.

Wahai Tuhan Yang Maha Mulia lagi Maha Penyayang, limpahkanlah pemeliharaan dan perlindungan-Mu, hidayah yang berterusan, serta kesihatan dan kesejahteraan yang berpanjangan dalam iman dan ketaatan kepada kepada hamba-Mu, Raja kami yang dimuliakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (……).

Wahai Tuhan kami, Ya Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemberi, wahai Tuhan yang memiliki kemurahan dan kemuliaan, kurniakanlah kepada kami keampunan dan rahmat. Sekiranya Engkau menurunkan fitnah, bala atau ujian, maka lindungilah dan sejahterakanlah kami. Tanamkanlah dalam hati kami kecintaan kepada-Mu, kecintaan kepada orang yang mencintai dan mentaati-Mu, serta kecintaan kepada amalan

yang mendekatkan kami kepada keredaan-Mu. Kurniakanlah kepada kami kecintaan untuk melakukan kebaikan, dan hiasilah hati kami dengan kasih sayang kepada seluruh manusia, dengan meneladani akhlak Nabi-Mu sebagai suri teladan yang terbaik.

DOA MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SIDANG PARLIMEN

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، حَمْدًا يُوافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ.

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اَللَّهُمَّ يَا مُجِيبَ السَّائِلِينَ، إِنَّنَا نَرْفَعُ إِلَيْكَ أَكُفَّ الضَّرَّاعَةِ بِقُلُوبٍ خَاشِعَةٍ مُخْلِصَةٍ، شَاكِرِينَ لِفَيْضِ نِعَمِكَ وَكَرَمِكَ، إِذْ جَمَعْتَنَا فِي هَذِهِ الْقَاعَةِ الْمُوَقَّرَةِ، فِي هَذَا الصَّبَاحِ الْمُبَارَكِ، بِمُنَاسَبَةِ مَرَاسِمِ افْتِتَاحِ الدَّوْرَةِ الْبَرْلَمَانِيَّةِ (.....) لِلْجَلْسَةِ (.....)، الَّتِي تَفَضَّلَ بِافْتِتَاحِهَا رَسْمِيًّا حَضْرَةُ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ الْمَلِكِ الْمُعَظَّمِ يڠ دڤرتوان أڬوڠ (.....)، وَحَضْرَةُ صَاحِبَةِ الْجَلَالَةِ الْمَلِكَةِ الْمُعَظَّمَةِ راج ڤرمايسوري أڬوڠ (.....)

اَللَّهُمَّ أَسْبِغْ عَلَيْهِمَا شَآبِيبَ رَحْمَتِكَ وَرِضْوَانِكَ، وَأَدِمْ عَلَيْهِمَا لِبَاسَ الصِّحَّةِ وَالْعَافِيَةِ، وَثَبِّتِ الْإِيمَانَ فِي قَلْبَيْهِمَا، وَبَارِكْ فِي أَعْمَالِهِمَا، وَارْزُقْهُمَا السَّعَادَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اَللَّهُمَّ يَا مَنْ لَهُ الْعِزَّةُ وَالْكَرَامَةُ، إِنَّنَا نُدْرِكُ يَقِينًا أَنَّ حُضُورَنَا فِي هَذَا الْمَجْلِسِ الْمُبَجَّلِ هُوَ لِحَمْلِ أَمَانَةِ الدِّينِ وَالْأُمَّةِ وَالْوَطَنِ الْحَبِيبِ. فَاهْدِنَا بِتَوْفِيقِكَ وَهِدَايَتِكَ لِنَجْعَلَ مِنْ هَذِهِ الْجَلْسَةِ مِنْبَرًا لِطَرْحِ الْأَفْكَارِ السَّدِيدَةِ، وَالْحُجَجِ الْبَالِغَةِ، النَّابِعَةِ مِنْ قُلُوبٍ مُخْلِصَةٍ، وَلِنَتَدَاوَلَ الرَّأْيَ فِي جَوٍّ مِنَ الْوِئَامِ وَرُوحِ الْأُخُوَّةِ، لِرَسْمِ سِيَاسَاتٍ تَبْنِي الْوَطَنَ، وَتُحَقِّقُ التَّقَدُّمَ وَالرَّخَاءَ وَالِازْدِهَارَ لِكَافَّةِ أَبْنَاءِ هَذَا الْبَلَدِ.

اَللَّهُمَّ يَا حَفِيظُ يَا كَرِيمُ، احْفَظْنَا وَاحْفَظْ قَادَتَنَا أَجْمَعِينَ. وَارْزُقْنَا عُقُولًا زَكِيَّةً رَشِيدَةً، وَصُدُورًا مُنْشَرِحَةً لِقَبُولِ الْحَقِّ. وَاغْرِسْ فِي نُفُوسِنَا الْأَخْلَاقَ الْكَرِيمَةَ، مِنَ الصِّدْقِ وَالنَّزَاهَةِ وَالصَّبْرِ الْجَمِيلِ.

وَجَنِّبْنَا مَسَاوِئَ الْأَخْلَاقِ مِنَ الْكِبْرِ وَقَسْوَةِ الْقَلْبِ وَالْعُجْبِ وَالْحَسَدِ وَالضَّغِينَةِ فَإِنَّهَا تُفْسِدُ النَّفْسَ وَتُدَمِّرُ وِحْدَةَ الْمُجْتَمَعِ وَانْسِجَامَهُ فِي هَذَا الْوَطَنِ.

اَللَّهُمَّ يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْجُودِ وَالْكَرَمِ، وَثِّقْ عُرَى الْمَحَبَّةِ وَالْوَلَاءِ بَيْنَ الرَّعِيَّةِ وَالرُّعَاةِ، وَاحْفَظْ قَدَاسَةَ الْإِسْلَامِ وَحُرْمَةَ وَطَنِنَا الْغَالِي، وَادْفَعْ عَنَّا جَمِيعًا الْبَلَايَا وَالْفِتَنَ وَالْفَوْضَى، لِنَحْيَا فِي أَمْنٍ وَسَلَامٍ وَعَافِيَةٍ تَحْتَ ظِلِّ إِحْسَانِكَ وَرِضَاكَ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَالْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA

DI PAPARAN SKRIN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, pujian yang menyempurnakan nikmat-Nya dan menandingi kelebihan-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi-Mu segala puji sebagaimana layak bagi keagungan Wajah-Mu dan kebesaran Kekuasaan-Mu. Selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW serta ke atas keluarga dan para sahabat Baginda seluruhnya.

Ya Allah, wahai Tuhan Yang Memperkenankan Segala Permintaan, sesungguhnya kami menadah tangan dengan penuh khusyuk dan ikhlas, merafakkan kesyukuran atas limpahan nikmat dan kemurahan-Mu, kerana telah menghimpunkan kami di dewan yang mulia ini, pada pagi yang penuh keberkatan ini, bersempena Majlis Istiadat Pembukaan Penggal (ke-.....) Parlimen (ke-.....) yang telah disempurnakan perasmiannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, (...nama ...) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, (....nama ...).

Ya Allah, curahkanlah sepenuh rahmat dan keredaan-Mu kepada Baginda berdua. Kurniakanlah kepada Baginda berdua kesihatan dan keafiatan yang berpanjangan, tetapkanlah iman dalam jiwa Baginda berdua, berkatilah segala pemerintahan Baginda, serta kurniakanlah kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, wahai Tuhan Yang Memiliki Keagungan dan Kemuliaan, kami menyedari dengan penuh keyakinan bahawa kehadiran kami di dewan yang disanjungi ini adalah demi memikul amanah agama, bangsa, dan tanah air yang tercinta. Maka pimpinlah kami dengan taufik dan hidayah-Mu, agar

kami dapat menjadikan persidangan ini sebagai wadah untuk melontarkan idea yang bernas dan hujah yang bijaksana, yang terbit daripada hati yang tulus. Jadikanlah perbahasan kami dalam suasana harmoni dan penuh semangat ukhuwah, demi merangka dasar yang membangunkan negara, serta merealisasikan kemajuan, kemakmuran, dan kesejahteraan bagi seluruh anak watan.

Ya Allah, wahai Tuhan Yang Maha Memelihara lagi Maha Mulia, peliharalah kami dan seluruh barisan pemimpin kami. Kurniakanlah kepada kami akal fikiran yang cerdas lagi waras, serta hati yang lapang untuk menerima kebenaran. Sematkanlah akhlak yang mulia dalam jiwa kami, sifat jujur, integriti yang utuh, dan kesabaran yang tinggi. Jauhkanlah kami daripada sifat-sifat yang keji seperti takbur, keras hati, ujub, hasad dengki, dan sengketa kerana sifat-sifat itulah yang merosakkan jiwa serta memusnahkan kerukunan dan keharmonian hidup di negara ini.

Ya Allah,
Wahai Tuhan Yang Maha Melimpah Kurnia dan Maha Pemurah,
Perkukuhkanlah ikatan kasih sayang dan taat setia antara rakyat jelata dan pemimpin negara. Peliharalah kesucian Islam dan kedaulatan negara kami yang tercinta. Hindarilah kami semua daripada sebarang bala bencana, fitnah, dan huru-hara, agar kami dapat hidup dalam keadaan aman, damai, dan selamat sentosa di bawah naungan ihsan dan keredaan-Mu.
(Wahai Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan merahmati kami, nescaya kami termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi.)
(Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab neraka.)

Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW, serta ke atas keluarga dan para sahabat Baginda. Dan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

DOA PERJUMPAAN BULANAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِنَا الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا، وَيَقِينًا صَادِقًا، وَعِلْمًا نَافِعًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَرِزْقًا وَاسِعًا حَلَالًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا صَالِحًا مُتَقَبَّلًا.

اَللَّهُمَّ اجْعَلْنَا لِآلَائِكَ ذَاكِرِينَ، وَلِنَعْمَائِكَ شَاكِرِينَ، وَلِيَوْمِ لِقَائِكَ مِنَ الذَّاكِرِينَ، وَأَحْيِنَا بِطَاعَتِكَ مَشْغُولِينَ، وَإِذَا تَوَفَّيْتَنَا فَتَوَفَّنَا غَيْرَ مَفْتُونِينَ وَلَا مَخْذُولِينَ، وَاخْتِمْ لَنَا مِنْكَ بِخَيْرٍ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا، وَلَا تَجْعَلْ فِينَا وَلَا مَعَنَا وَلَا بَعْدَنَا شَقِيًّا وَلَا مَحْرُومًا وَلَا

مَطْرُودًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وصَلَّى اللَّه عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA
DI PAPARAN SKRIN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda serta seluruh para sahabat.

Ya Allah, kami memohon kepada-Mu iman yang sempurna, keyakinan yang benar, ilmu yang bermanfaat, hati yang khusyuk, lidah yang sentiasa berzikir, rezeki yang luas, halal lagi baik, serta amal soleh yang Engkau terima.

Ya Allah, jadikanlah kami hamba-hamba yang sentiasa mengingati kebesaran-Mu, golongan yang sentiasa mensyukuri... serta mereka yang sentiasa mengingati akan hari pertemuan dengan-Mu.

Hidupkanlah kami dalam keadaan sentiasa sibuk dengan ketaatan kepada-Mu. Apabila Engkau mewafatkan kami, wafatkanlah kami tanpa terpedaya oleh fitnah duniawi, dan tidak pula dalam keadaan hina atau terbiar. Sudahilah hayat kami semua dengan kesudahan yang terbaik (Husnul Khatimah).

Wahai Tuhan Yang Maha Mulia lagi Maha Penyayang, jadikanlah perhimpunan kami ini sebagai perhimpunan yang dirahmati, dan perpisahan kami selepas ini sebagai perpisahan yang dilindungi. Janganlah Engkau jadikan sesiapa pun dalam kalangan kami, bersama-sama kami atau selepas kami sebagai orang yang celaka, terhalang daripada rahmat, atau disingkirkan daripada kurniaan-Mu.

Wahai Tuhan kami,
Kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat,
dan peliharalah kami daripada azab api neraka.

Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW, serta ke atas keluarga dan para sahabat Baginda. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

DOA SELAMAT

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيدَهُ. وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللّهُمَ إِنَّا نَسْتَحْفِظُكَ وَنَسْتَوْدِعُكَ دِيْنَنَا، وَإِيْمَانَنَا، وَأَنْفُسَنَا، وَأَمْوَالَنَا، وَأَوْلاَدَنَا، وَكُلَّ شَيْءٍ أَعْطَيْتَنَا. اللّهُمَّ اجْعَلْنَا وَإِيَّاهُمْ فِي كَنَفِكَ، وَأَمَانِكَ، وَجِوَارِكَ، وَعِيَاذِكَ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيْدٍ، وَجَبَّارٍ عَنِيْدٍ، وَذِي عَيْنٍ، وَذِي بَغْيٍ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ ذِي شَرٍّ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ نَزَغَاتِ الشَّيَاطِينِ، وَشُرُورِ الْإِنْسِ وَالْجَانِّ. وَنَسْأَلُكَ السَّلَامَةَ وَالْأَمْنَ وَالِاطْمِئْنَانَ فِي أَوْطَانِنَا. اللَّهُمَّ سَلِّمْنَا مِنْ كُلِّ سُوءٍ، وَاحْفَظْنَا مِنَ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالْأَمْرَاضِ وَالْأَسْقَامِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

يَا مُتَوَلِّيَ السَّرَائِرِ، يَا عَالِمًا بِمَا فِي الضَّمَائِرِ، إِنَّكَ تَعْلَمُ حَاجَاتِنَا وَمَقَاصِدَنَا فِي هَذِهِ السَّاعَةِ الْمُبَارَكَةِ. فَنَسْأَلُكَ السَّلَامَةَ الدَّائِمَةَ، وَدَفْعَ الْمَكَارِهِ وَالْمِحَنِ. يَا دَائِمَ الْإِحْسَانِ، نَرْجُو رَحْمَتَكَ وَلُطْفَكَ. اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ فِي سَابِقِ عِلْمِكَ بَلَاءٌ أَوْ سُوءٌ قَدْ قُدِّرَ عَلَيْنَا، فَاصْرِفْهُ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ، وَبَدِّلْهُ خَيْرًا وَعَافِيَةً، لِتَكُونَ حَيَاتُنَا طَيِّبَةً نَافِعَةً.

اللّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اللّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلاَءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلاَءَ مَا لاَ يَكْشِفُهُ غَيْرُكَ.

اللّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ.

رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA
DI PAPARAN SKRIN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam; pujian yang menyempurnakan nikmat-Nya dan menandingi kelebihan-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW, yang diutuskan sebagai rahmat ke seluruh alam, serta ke atas keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Ya Allah, sesungguhnya kami memohon perlindungan-Mu dan kami menyerahkan urusan pemeliharaan agama kami kepada-Mu, keimanan kami, diri kami, harta benda kami, anak-anak kami, dan segala nikmat yang telah Engkau kurniakan kepada kami.

Ya Allah, jadikanlah kami dan mereka semua berada dalam jagaan-Mu, keamanan-Mu, lindungan-Mu, dan pemeliharaan-Mu daripada gangguan setiap syaitan yang durjana, penzalim yang keras kepala, pandangan mata yang jahat (ain), pencerobohan, dan daripada kejahatan setiap makhluk yang berniat jahat. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu.

Ya Allah, kami memohon perlindungan-Mu daripada hasutan syaitan, serta kejahatan manusia dan jin. Kami memohon kepada-Mu keselamatan, keamanan, dan ketenteraman di tanah air kami. Ya Allah, selamatkanlah kami daripada segala keburukan, dan peliharalah kami daripada bala bencana, wabak, penyakit, dan kesakitan—sama ada yang nyata mahupun yang tersembunyi.

Wahai Tuhan Yang Maha Mengetahui Segala Rahsia Hati, Wahai Yang Maha Mengetahui apa yang tersirat dalam sanubari. Sesungguhnya Engkau mengetahui segala hajat dan tujuan kami pada saat yang penuh keberkatan ini. Maka kami memohon

keselamatan yang berpanjangan, serta dijauhkan daripada segala perkara yang dibenci dan ujian yang berat.
Wahai Tuhan Yang Sentiasa Melimpahkan Kebaikan, kami mengharapkan rahmat dan kelembutan-Mu. Ya Allah, sekiranya di dalam ilmu-Mu yang terdahulu terdapat bala atau keburukan yang telah ditakdirkan ke atas kami, maka palingkanlah ia daripada kami dengan rahmat-Mu, dan gantikanlah ia dengan kebaikan dan kesejahteraan, agar kehidupan kami menjadi baik lagi bermanfaat.

Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepada-Mu keampunan, kesihatan, dan kesejahteraan yang berkekalan dalam urusan agama, dunia dan akhirat. Ya Allah, hindarkanlah kami daripada bala bencana, wabak penyakit, dan kesempitan hidup yang tidak mampu dihilangkan oleh sesiapa pun melainkan Engkau.

Ya Allah, perelokkanlah kesudahan segala urusan kami, dan lindungilah kami daripada kehinaan di dunia dan azab di akhirat. Wahai Tuhan kami, kepada Engkaulah kami bertawakal, kepada Engkaulah kami kembali, dan kepada Engkaulah tempat kesudahan segala sesuatu.

Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada azab neraka.

Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW, serta ke atas keluarga dan para sahabat Baginda. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Nota / Catatan

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No.23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya.

9 789830 426501